

Mahathir tidak mahu APEC -- mempunyai sekretariat tetap

J.M. 9 SEP 1992

KUALA LUMPUR 8 Sept. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia tidak mahu Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) diinstitusikan sebagai satu kerjasama yang mempunyai sekretariat tetap.

"Itu adalah pendirian Malaysia kerana kita berpendapat APEC adalah satu kerjasama yang berbeza dan tidak patut mempunyai sekretariat tetap," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada para pemberita selepas menghadiri Seminar

Kebangsaan Mengenai Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu: 'Alam Sekitar dan Pembangunan' di Bank Negara di sini hari ini.

Menurutnya, negara-negara lain mungkin mempunyai pandangan yang berbeza.

Perdana Menteri mengulas rancangan untuk menubuhkan sekretariat dalam Mesyuarat Peringkat Menteri-Menteri APEC di Bangkok Khamis ini.

Dalam hal ini, beliau menjelaskan, Malaysia tidak membantah jika APEC menubuh-

kan sebuah badan penyelaras saja.

Mengenai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), katanya, Kerajaan Jepun masih memberi sambutan yang negatif terhadap EAEC walaupun kebanyakan sektor swastanya sudah bersetuju ekoran daripada pembentukan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA).

Beliau berpendapat, Jepun masih enggan menerima EAEC mungkin kerana hubunganperdagangannya dengan Amerika Syarikat atau pun sebab-sebab lain.